



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

## KENYATAAN TAWARAN TENDER

Semua Pembida hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen pelawaan ini, melainkan setakat mana syarat-syarat tersebut ditolak atau diubah oleh pihak Kerajaan.

### 1.1 Tujuan Tender

- (a) Pelawaan tender ini adalah untuk **Tender Bagi Menerbit, Mencetak Dan Membekal Pakej Buku Teks Kurikulum Persekolahan 2027 Pembekalan Mulai Tahun 2026 (Kegunaan Mulai Tahun 2027) Judul: Bahasa Inggeris Tingkatan 1** dan Harga Indikatif Jabatan (HIJ) adalah sebanyak **RM7,605,500.00**.
- (b) Tawaran tender ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan tempoh pendaftarannya masih berkuatkuasa di bawah kod bidang:

**010102 – Bidang (Penerbitan Dan Penyiaran), Sub-Bidang (Penerbitan), Pecahan Sub-Bidang (Bahan Bacaan)**

- (c) Perolehan perkhidmatan ini dibuat secara Tender Terbuka melalui Sistem ePerolehan (eP).

### 1.2 Tempoh Tender

- (a) Tempoh tender bagi perkhidmatan ini adalah selama **21 hari** kalendar bermula pada **8 April 2026** dan tarikh tutup tender adalah pada **29 April 2026**. Dokumen tender boleh dimuat turun melalui portal rasmi Kementerian Pendidikan <http://www.moe.gov.my>, ePerolehan di halaman <https://www.eperolehan.gov.my/> dan MyPROCUREMENT.
- (b) Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal hendaklah dikunci masuk (*key in*) ke dalam Sistem eP sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender. Cadangan Tender yang dikemukakan selepas jam 12.00 tengah hari tidak akan dipertimbangkan.
- (c) Walau bagaimanapun, Kerajaan berhak untuk membatalkan tender ini pada bila-bila masa sekiranya perlu dan tidak terikat untuk memberi sebarang sebab atau penjelasan. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak Pembida kerana urusan tender ini adalah menjadi tanggungjawab pihak Pembida dan Kementerian ini tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara tersebut.